

The logo for MSWG (Minority Shareholder Watchdog Group) features the letters 'MSWG' in a white, bold, sans-serif font on a dark blue rectangular background.

MINORITY SHAREHOLDER WATCHDOG GROUP

Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad

Incorporated in Malaysia * Company No. 524898-M

The Observer

28.04.2017

SUARA MSWG

Pada 26 April 2017, Suruhanjaya Sekuriti mengumumkan penerbitan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (MCCG) yang ketiga. Kod yang pertama dikeluarkan pada 2009 dan kedua pada 2012. MCCG yang ketiga bertujuan mengantarabangsakan serta menyelaraskan Pasaran Modal Malaysia dengan amalan global terbaik dan dengan itu menambah kebolehlihatan serta daya tarikan syarikat tersenarai kita di peringkat antarabangsa.

Sebilangan besar syarikat kita, terutama 100 teratas, telah “menjiwai” budaya CG pada standard yang tinggi dalam organisasi mereka. Penggunaan dan pematuhan kepada perubahan yang terkandung dalam kod baharu ini mempertingkatkan lagi perlindungan pihak berkepentingan dalam definisi yang lebih luas iaitu alam sekitar dan masyarakat, selain pemegang saham. MSWG menghargai dan mengalu-alukan perubahan ini.

Beberapa perubahan utama termasuk:

1. 50% ahli lembaga pengarah perlu terdiri daripada pengarah bebas.
2. Maklumat terperinci dan terkini tentang keuntungan sosial, alam sekitar (atau ekologi) dan keuntungan kewangan.
3. Pendedahan terperinci imbuhan setiap Pengarah dan lima pengurus kanan teratas, mengikut nama.
4. Menggalakkan Pelaporan Bersepadu.
5. Memperkenalkan pengundian 2 peringkat untuk mengekalkan Pengarah Bebas Bukan Eksekutif yang berkhidmat lebih 12 tahun.

Salah satu perubahan revolusioner yang dialu-alukan ialah entiti tidak tersenarai turut menerima galakan untuk menerima pakai Kod ini. Entiti ini merangkumi perusahaan milik negara, perusahaan kecil dan sederhana serta pengantara berlesen. Oleh yang demikian, SC telah membuka jalan kepada syarikat tempatan yang diurus dan dikawal selia dengan baik, sekaligus mematuhi prinsip tadbir urus korporat global. Proses ini menyediakan mereka untuk berubah menjadi syarikat awam tersenarai yang berorientasikan tadbir urus.

Kami menggalakkan pemegang saham minoriti untuk mendapatkan salinan MCCG 2017 ini bagi mendapatkan maklumat lanjut.

Perkembangan yang menggalakkan juga berlaku dalam bidang pelaporan korporat dan kualiti laporan di Malaysia.

Rangka Kerja Pelaporan Bersepadu daripada Majlis Pelaporan Antarabangsa Bersepadu (IIRC) cuma berbentuk arahan berkaitan isu ini walhal amalan terbaik perlu merangkumi maklumat terperinci dan perkembangan terkini tentang apa yang dikenali sebagai “Keuntungan Ganda Tiga” iaitu keuntungan kewangan, sosial dan alam sekitar (atau ekologi).

Seperti yang ditekankan oleh IIRC, syarikat perlu menilai prestasi mereka dalam perspektif yang lebih luas untuk meletakkan penanda aras kepada nilai yang mereka hasilkan dengan lebih tepat dalam ekosistem yang lebih besar. Ini merangkumi masyarakat di tempat mereka beroperasi, alam sekitar serta pemegang saham.

Kami juga bersetuju dengan kenyataan PwC Malaysia yang mengatakan Malaysia masih mempunyai ruang untuk penambahbaikan dalam hal ini, berdasarkan banyak contoh pelaporan secara berasingan dan tidak bersepadu.

Ada juga situasi yang memberi penekanan berlebih-lebihan kepada ‘proses penerangan’ berbanding pemahaman tentang trend pasaran masa depan dan persekitaran yang kompetitif.

Namun, ada juga situasi berbeza, seperti yang ditunjukkan oleh Laporan Bersepadu TM Bhd 2016. Ia jelas menunjukkan kemampuan syarikat-syarikat Malaysia.

Secara keseluruhannya, perubahan dalam pendekatan tadbir urus korporat daripada “patuh atau jelaskan” kepada “aplikasikan atau jelaskan alternatif” diharap dapat membuka minda syarikat tersenarai untuk menggunakan budi bicara dan pertimbangan dalam cara mereka menerima dan melaporkan amalan tadbir urus korporat.

Dari masa ke masa, kami yakin ekosistem tadbir urus korporat akan terus dipertingkatkan dan memacu Malaysia jauh ke hadapan.

PASUKAN MSWG

28 April 2017

TINJAUAN MINGGUAN AGM/ EGM MSWG UNTUK TEMPOH 1 - 5 MEI 2017

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan MSWG pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman web MSWG di www.mswg.org.my

Tarikh dan Masa	Syarikat	Lokasi
02.05.17 (Selasa) 10.00 pagi	Dagang Nexchange Bhd (AGM)	Connexion @ Nexus, No. 7, Jalan Kerinchi, Bangsar South City, KL
04.05.17 (Khamis) 10.00 pagi	UMW Holdings Bhd (EGM)	UMW Holdings Berhad, Kawasan Perindustrian Batu Tiga, Shah Alam, Selangor

Perkara penting untuk diajukan:	
Syarikat	Perkara/Isu Untuk Diajukan
Dagang Nexchange Bhd (AGM)	<ol style="list-style-type: none">Selepas tamat tempoh lanjutan Tetingkap Tunggal Kebangsaan (“NSW”) untuk Permudahan Perdagangan, iaitu pada 24 September 2018, ia dijangka akan digantikan dengan uCustoms. Dagang Net telah dilantik sebagai satu daripada dua pembekal perkhidmatannya. <p>Pada tahun yang ditinjau, DNeX telah menyiapkan kerja-kerja reka bentuk</p>

	<p>dan pembangunan Modul Integrasi untuk Tetingkap Tunggal ASEAN (“ASW”). DNeX, melalui Dagang Net juga mengurus operasi dan penyelenggaraan Modul Integrasi itu.</p> <p>Apakah impak kepada pendapatan DNeX selepas 24 September 2018 selepas NSW dijangka akan digantikan dengan uCustoms?</p> <p>2. Seperti yang dinyatakan pada halaman 133 dalam Laporan Tahunan, di bawah segmen tenaga, keputusan segmen menunjukkan kerugian daripada operasi sebanyak RM12.3 juta manakala bahagian keuntungan dalam syarikat bersekutu, selepas cukai, menunjukkan keuntungan yang ketara berjumlah RM123.5 juta.</p> <p>a. Anak syarikat manakah yang menyumbang kepada kerugian ini?</p> <p>b. Apakah prospek syarikat bagi TK2017?</p>
UMW Holdings Bhd	<p>1. Seperti yang dinyatakan dalam Pekeliling, “Cadangan Pengagihan dibuat berikutan perancangan UMWH untuk mengeluarkan pelaburannya daripada industri minyak dan gas, yang diwakili oleh pemegangan saham dalam UMW-OG serta kepentingannya dalam pelaburan-pelaburan lain dalam sektor minyak dan gas yang dipegang oleh UMWH selain Kumpulan UMW-OG.”</p> <p>(i) Apakah garis masa yang disasarkan Syarikat untuk melupuskan pelaburannya dalam Sektor Minyak dan Gas?</p> <p>(ii) Berapakah nilai buku pelaburan ini?</p>

PERKEMBANGAN DAN BERITA DALAM NEGARA

Malaysian economy to keep growing over next few months - Statistics Dept

<http://www.thestar.com.my/business/business-news/2017/04/21/malaysian-economy-to-keep-growing-over-next-few-months---statistics-dept/>

A principled approach to regulation

<http://www.thestar.com.my/business/business-news/2017/04/22/a-principled-approach-to-regulation/>

Malaysia's inflation rate in March hits eight-year high

<http://www.thesundaily.my/news/2017/04/20/malaysias-inflation-rate-march-hits-eight-year-high>

Bank Negara int'l reserves up at US\$95.7b as at April 14

<http://www.theedgemarkets.com/article/bank-negara-intl-reserves-us957b-april-14>

Auditor qualifies opinion on China Ouhua's accounts again

<http://www.thesundaily.my/news/2017/04/21/auditor-qualifies-opinion-china-ouhua%E2%80%99s-accounts-again>

EPF records RM46.56bil investment income in 2016

<http://www.thestar.com.my/business/business-news/2017/04/20/epf-records-rm46-56bil-investment-income-in-2016/>

Automotive industry to see gradual recovery

<http://www.thestar.com.my/business/business-news/2017/04/20/automotive-industry-to-see-gradual-recovery/>

1MDB, IPIC settle debt dispute

<http://www.themalaymailonline.com/money/article/1mdb-ipic-settle-debt-dispute>

Malaysia most active M&A country in Southeast Asia in 1Q – report

<http://www.theedgemarkets.com/article/malaysia-most-active-ma-country-southeast-asia-1q-%E2%80%94-report>

Malaysia to see 20% digital economy contribution to GDP sooner

<http://www.theedgemarkets.com/article/malaysia-see-20-digital-economy-contribution-gdp-sooner>

PERKEMBANGAN DAN BERITA LUAR NEGARA

China's strong Q1 growth highlights positive signs: Finance minister

<http://www.nst.com.my/business/2017/04/233438/chinas-strong-q1-growth-highlights-positive-signs-finance-minister>

India tax reform may help accelerate GDP growth above 8%

<http://www.thestar.com.my/business/business-news/2017/04/24/india-tax-reform-may-help-accelerate-gdp-growth-above-8/>

Japanese exports surged to end first quarter on strong note

<http://www.thestar.com.my/business/business-news/2017/04/21/japanese-exports-surged-to-end-first-quarter-on-strong-note/>

Japan manufacturers' mood rises to pre-financial crisis level - Reuters Tankan

<http://www.theedgemarkets.com/article/japan-manufacturers-mood-rises-pre-financial-crisis-level-reuters-tankan>

Oil falls below US\$50 as surging US output undermines Opec cuts

<http://www.themalaymailonline.com/money/article/oil-falls-below-us50-as-surging-us-output-undermines-opec-cuts>

French election results catapult Wall Street higher; Nasdaq sets record

<http://www.theedgemarkets.com/article/french-election-results-catapult-wall-street-higher-nasdaq-sets-record>

China stocks head for worst day of 2017 as regulators tighten grip

<http://www.thestar.com.my/business/business-news/2017/04/24/china-stocks-head-for-worst-day-of-2017-as-regulators-tighten-grip/>

Trump corporate tax cuts could lead to financial risk-taking: IMF

<http://www.nst.com.my/business/2017/04/232076/trump-corporate-tax-cuts-could-lead-financial-risk-taking-imf>

Penganalisa MSWG

Lya Rahman, Pengurus Besar, lyarahman@mswg.org.my

Rebecca Yap, Ketua, Pemantauan Korporat rebecca.yap@mswg.org.my

Quah Ban Aik, Ketua, Pemantauan Korporat banaik.quah@mswg.org.my

Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat norhisam@mswg.org.my

Wong Kin Wing, Pengurus, Pemantauan Korporat kinwing@mswg.org.my

Hoo Ley Beng, Pengurus, Pemantauan Korporat linnert.hoo@mswg.org.my
Nor Khalidah Khalil, Penganalisa, Pemantauan Korporat khalidah@mswg.org.my
Vinodth Ramasamy, Penganalisa, Pemantauan Korporat vinodth.ram@mswg.org.my
Muhammad Faris bin Mohamed Yusof, Penganalisa, Pemantauan Korporat farisyusof@mswg.org.my

PENZAHIRAN KEPENTINGAN

- *Sehubungan dengan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memegang jumlah saham yang minima di dalam syarikat-syarikat yang dinyatakan di dalam surat berita ini.*
-

Maklumbalas

Kami mengalu-alukan maklumbalas anda mengenai surat berita dan khidmat kami. Sila e-mel komen dan cadangan anda ke mswg.ceo@mswg.org.my.

PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholder Watchdog Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walaubagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jempunan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.